

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 17 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1433-MQT1146
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tentang kos, keberkesanan dan liputan penduduk untuk vaksin Pfizer, khususnya tempoh imuniti, bilakah ia akan dilaksanakan dan jaminan perubatan ke atas kesan sampingan negatif agar meyakinkan rakyat menerima dua dos dengan selamat. Nyatakan juga mengapa Pfizer dipilih dan bukan vaksin daripada syarikat lain termasuk di Amerika Syarikat, China, Rusia serta perbandingan kos dan keberkesanan vaksin-vaksin tersebut.

2. PR-1433-MQT1149
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pengecualian duti setem untuk pindah milik hartanah daripada ibu bapa kepada anak serta adakah terdapat sebarang kaedah lain bagi mengelakkan permasalahan bagi pindah milik hartanah tersebut di kemudian hari.

3. PR-1433-MQT1150
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19, antara tidak mahu menyekat pergerakan rakyat seperti kenyataan Menteri Kanan (Keselamatan), kenaikan kes COVID-19 dan pembukaan ekonomi serta apakah perbezaan pelaksanaan PKP di beberapa negeri akan mengelirukan rakyat malah boleh menyebabkan sikap sambil lewa.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 17 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 55

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|--------------------|---|-------------------------------|
| 1. (D.R 18/2020) | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 2. (D.R 22/2020) | Rang Undang-Undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 | " |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 3. (D.R 23/2020) | Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020 | " |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 4. (D.R 25/2020) | Rang Undang-Undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020 | " |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 5. (D.R 11/2020) | Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 – Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020) | |
| | [Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] | |

6. (D.R 24/2020) Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar **Bacaan Kali
Biasa (Pindaan) 2020** **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. (D.R 13/2020) Rang Undang-Undang Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020

[Menteri Sumber Manusia]

8. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera " "
(Pemansuhan) 2020

[Menteri Sumber Manusia]

9. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa " "
Malaysia 2020

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

10. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas " "
Tatakelakuan Polis 2020

[Menteri Dalam Negeri]

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.128, ST.129, ST.130, ST.131, ST.132, ST.133 dan ST.134 bagi tahun 2020 disahkan."

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM11,598 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Julai hingga Disember 2020 sebanyak RM5,166 juta serta baki wang terimaan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sebanyak RM6,432 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan."

13. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 2(2)(b) Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM4,438 juta wang terimaan Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) tahun 2020 di bawah seksyen 2(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan."

14. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM18,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) termasuk Sukuk Prihatin dari Julai hingga Disember 2020 ke Kumpulan Wang COVID-19."

15. PR-1433-U(27)141

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

16. PR-1433-U(27)144

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

17. PR-1433-U(27)145

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

18. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

19. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

20. PR-1433-U(27)148

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

21. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1433-U(27)150

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

[Menteri Kewangan]

23. PR-1433-U(27)152

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

24. PR-1433-U(27)164

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

[Menteri Dalam Negeri]

25. PR-1433-U(27)166

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sahiah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

27. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

28. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

29. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

30. PR-1433-U(27)165

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

Bahawasanya Dewan ini berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya- kepada beliau bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan sebaiknya. Negara memerlukan kestabilan dan perpaduan erat di semua peringkat dalam mengharungi ujian penularan semula pandemik Covid-19. Usaha yang bersungguh-sungguh amat diperlukan bagi memulihkan ekonomi negara dan membela nasib seluruh rakyat yang begitu teruk terjejas akibat wabak."

[Perdana Menteri]

31. PR-1433-U(27)140

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

32. PR-1433-U(27)139

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Jerlun untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

33. PR-1433-U(27)142

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Simpang Renggam untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) di baca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

34. PR-1433-U(27)143

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] akan mencadangkan :-

"Agar Dewan Rakyat yang mulia ini mengambil ketetapan menggesa Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat dan meneliti punca kepada masalah perpaduan yang rapuh dalam kalangan warga pendidik, pelajar dan mahasiswa yang dikatakan berpunca daripada sistem dan institusi-institusi pendidikan yang wujud serta seterusnya mengesyorkan langkah-langkah penyelesaian kepada masalah yang dihadapi."

[Menteri Pengajian Tinggi]

35. PR-1433-U(27)186

Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Sepanggar untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

36. PR-1433-U(27)157

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kota Belud untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

37. PR-1433-U(27)184

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Penampang untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

38. PR-1433-U(27)153

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kepong untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

39. PR-1433-U(27)156

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Sepang untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

40. PR-1433-U(27)159

Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Lahad Datu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

41. PR-1433-U(27)162

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Papar untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

42. PR-1433-U(27)155

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Semporna untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat"

[Perdana Menteri]

43. PR-1433-U(27)161

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kalabakan untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

44. PR-1433-U(27)154

Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew [Tawau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Tawau untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3) dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

45. PR-1433-U(27)196

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Lumut untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

46. PR-1433-U(27)195

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kota Raja untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

47. PR-1433-U(27)194

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Parit Buntar untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

48. PR-1433-U(27)193

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kuala Selangor untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

49. PR-1433-U(27)192

Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Temerloh untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

50. PR-1433-U(27)191

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Tampin untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

51. PR-1433-U(27)189

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Shah Alam untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

52. PR-1433-U(27)190

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Pokok Sena untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

53. PR-1433-U(27)188

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Hulu Langat untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

54. PR-1433-U(27)187

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Pulai untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

55. PR-1433-U(27)160

Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Sri Gading untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

56. PR-1433-U(27)167

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan rasa sayang dan penghargaan rakyat di atas usaha gigih YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dalam usaha menangani penularan pandemik COVID-19 dan pemulihan ekonomi negara.

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pendemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pendemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya kejayaan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri. "

[Perdana Menteri]

57. PR-1433-U(27)168

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi jaminan bahawa moratorium bayaran balik yang diberikan oleh Kerajaan tidak memberi kesan kepada peminjam selepas tamatnya pelaksanaan moratorium itu nanti. Ini adalah kerana pelaksanaan moratorium yang bermula 1 April lalu menyebabkan institusi-institusi kewangan bergerak secara perlahan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan perlu memastikan supaya institusi-institusi kewangan tidak mengenakan kenaikan kadar faedah secara tiba-tiba kepada peminjam yang mengambil moratorium."

[Menteri Kewangan]

58. PR-1433-U(27)169

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini di cadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

59. PR-1433-U(27)170

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

60. PR-1433-U(27)171

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

61. PR-1433-U(27)172

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

62. PR-1433-U(27)173

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

63. PR-1433-U(27)174

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal Coast Guard China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

64. PR-1433-U(27)175

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

65. PR-1433-U(27)176

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan epembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Kanan Pendidikan]

66. PR-1433-U(27)177

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membeli semula aset-aset Tabung Haji (TH) yang telah dijual oleh Pakatan Harapan. Pakatan Harapan telah mengadakan satu rancangan khusus untuk TH, iaitu Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH. Melalui rancangan tersebut, beberapa buah hotel di bawah pengurusan kumpulan TH telah dipindah milik kepada syarikat pengurusan lain. Sebahagian hartanah TH di bawah TH Plantations juga dijual kepada syarikat lain untuk mengelakkan TH daripada bankrap dan sebagai satu cara untuk melangsaikan hutang-hutang TH. Melalui kerajaan Perikatan Nasional, aset-aset TH yang telah dijual mampu untuk dibeli semula dan sekaligus dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

67. PR-1433-U(27)178

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu Mengenai status pembinaan tembok sempadan di sempadan Malaysia-Thailand bermula dari Perlis hingga Kelantan. Sempadan Malaysia-Thailand dianggarkan sepanjang 656km namun hanya 111km sahaja yang berpagar. Manakala terdapat juga sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (Kesban) dilihat sudah usang selain kerosakan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas yang tidak diselia dengan baik. Mohon pihak Kerajaan memandang serius akan perkara ini agar ia benar-benar efektif bagi mengukuhkan keselamatan di negara ini."

[Perdana Menteri]

68. PR-1433-U(27)179

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu penghantaran pulang PATI dan pelancong asing yang telah tamat tempoh lawatan. Operasi pihak berkuasa di sekitar ibu kota semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), lebih dari seribu PATI telah ditahan dan jumlah terus meningkat setiap kali operasi dijalankan. Depoh tahanan imigresen sedia ada tidak lagi mampu menampung jumlah PATI yang ditahan. Jumlah PATI di negara ini terlalu tinggi dan meningkatkan kos perbelanjaan Kerajaan untuk menguruskan PATI. Kerajaan dicadangkan untuk mempercepatkan proses penghantaran pulang PATI dan pelancong asing ke negara asal."

[Menteri Dalam Negeri]

69. PR-1433-U(27)180

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa kerajaan supaya membawa isu penyeludupan rokok tiruan, minuman keras dan dadah yang masih berleluasa di sekitar kepulauan Labuan. Pihak Berkuasa mengesan beberapa laluan antara perairan Labuan dan Sarawak yang sering digunakan untuk menyeludup. Kerajaan mengharapkan nelayan tempatan terus menjadi 'mata dan telinga' dalam memberi maklumat berkenaan sebarang aktiviti haram tersebut. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa mempertingkatkan operasi dari semasa ke semasa untuk memastikan aktiviti yang menyalahi undang-undang dapat dibanteras."

[Menteri Dalam Negeri]

70. PR-1433-U(27)181

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa kerajaan supaya melaksanakan hukuman kepada pemandu di bawah pengaruh dadah yang membawa kepada kemalangan yang menyebabkan kematian mengikut Seksyen 304 (b) Kanun Keseksaan, iaitu membunuh tanpa niat. Seperti seluruh Malaysia maklum berkenaan kemalangan maut di Johor Bahru, hukuman 6 tahun penjara dan denda RM8,000 dilihat tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan pemandu tersebut. Selain pemandu berada di bawah pengaruh dadah, pemandu juga tidak mempunyai lesen memandu, kenderaan pula tidak mempunyai cukai jalan dan merupakan milik orang lain."

[Menteri Pengangkutan]

71. PR-1433-U(27)182

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya seluruh ahli Dewan menyokong penuh usaha gigih Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kerajaan Perikatan Nasional dalam mentadbir serta memulihkan ekonomi negara ketika penularan COVID-19 yang belum ditemui pengakhirannya. Ketidaksefahaman dan gangguan terhadap kestabilan politik oleh segelintir ahli Dewan menyebabkan usaha untuk menstabilkan negara terutamanya berkaitan pemulihan ekonomi rakyat berada di jalan yang sukar. Maka, semua ahli Dewan diseru untuk bekerjasama dan mengetepikan soal politik serta kepentingan peribadi dalam membantu memutuskan rantaian COVID-19 dan seterusnya membantu membangunkan semula negara."

[Perdana Menteri]

72. PR-1433-U(27)183

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengenakan syarat yang lebih ketat kepada peniaga asing yang hendak memulakan perniagaan. Ini adalah kerana lambakan peniaga asing yang berniaga secara sah mahupun haram yang semakin meningkat. Syarat yang terlalu longgar dan wujudnya sindiket yang membantu warga asing mendapatkan lesen perniagaan dengan mudah juga telah menjadi antara faktor utama kepada lambakan tersebut. Kerajaan dicadangkan agar menghadkan kepada beberapa sektor perniagaan sahaja yang boleh melibatkan penglibatan warga asing. Justeru itu, warga asing tidak lagi boleh berniaga di dalam apa-apa sektor perniagaan sesuka hati. Tindakan ini perlu diambil bagi memastikan peniaga-peniaga tempatan terus dilindungi dan seterusnya ekonomi dalam negara juga akan menjadi semakin stabil."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

73. PR-1433-U(27)185

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menjelaskan mengenai status liputan internet di negara ini khususnya di Sabah dan Sarawak serta kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia. Status liputan internet di Malaysia memperlihatkan jurang liputan internet di bandar dan luar bandar sangat ketara. Liputan internet di luar bandar adalah paling membimbangkan terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak kerana capaian liputan internet sangat tidak memuaskan. Pelaksanaan pengajian atas talian secara penuh oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi cabaran kepada pelajar khususnya di kawasan yang mempunyai capaian liputan internet yang sederhana dan ke bawahnya. Oleh hal yang demikian, Kerajaan diharapkan dapat memandang berat kepada langkah penyelesaian masalah ini bagi memastikan pelajar-pelajar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan norma baru kehidupan."

[Menteri Komunikasi Dan Multimedia]

74. PR-1433-U(27)158

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kementerian Kewangan melanjutkan moratorium pembayaran balik pinjaman bank yang luput pada 30 September 2020 untuk tempoh masa 6 bulan lagi agar dapat menangani kesan negatif ekonomi pasca gelombang ketiga wabak COVID-19 supaya dapat membantu 8 juta rakyat dan syarikat Malaysia yang menerima manfaat bernilai RM90 bilion demi menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan."

[Menteri Kewangan]

75. PR-1433-U(27)199

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Bahawa supaya Kerajaan mempertimbangkan untuk membenarkan diadakan perbahasan bagi membahaskan Laporan Tahunan SUHAKAM bagi tahun 2019 oleh ahli-ahli Dewan Rakyat seperti mana yang telah dimulakan Kerajaan pada tahun 2018. Mengambil kira jawapan lisan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1 Disember 2020 yang mengumumkan perbahasan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bagi tahun 2019 tidak akan dibahaskan sepertimana yang telah dikemukakan di dalam Dewan Rakyat sebagai Kertas Statut no. 88 Tahun 2020.

Mengambil maklum bahawa seksyen 21(1), Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 1999 tidak menyebutkan tentang keperluan Laporan SUHAKAM perlu dibahaskan di dalam Parlimen. Namun, merujuk amalan baik yang dilakukan Kerajaan pada tahun 2018 maka seharusnya institusi Parlimen yang berperanan untuk menyemak dan memeriksa urusan Kerajaan harus membenarkan ahli-ahli Dewan Rakyat untuk membahaskan isu-isu hak asasi manusia secara kritikal dan tuntas di dalam tempoh masa yang munasabah di dalam Dewan yang mulia ini agar Kerajaan dilihat serius terhadap isu-isu pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku di dalam negara ini. "

[Perdana Menteri]

76. PR-1433-U(27)200

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"BAHAWA pada hari Selasa, 1 Disember 2020, Yang Berhormat Willie Anak Mongin (Puncak Borneo), merangkap Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, telah menunjukkan isyarat jari tengah sebanyak dua kali kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain;

BAHAWA perbuatan Yang Berhormat Willie Anak Mongin (Puncak Borneo) tersebut perlu diberi perhatian serius kerana merupakan sesuatu yang lucah, biadap dan menghina kemuliaan Dewan Rakyat;

BAHAWA perbuatan Yang Berhormat Willie Anak Mongin (Puncak Borneo) adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 36(4), Peraturan Mesyuarat 41(a) dan tataetika sebagai seorang Ahli Parlimen;

MAKA DENGAN INI DIPERSETUJUI BAHAWA Yang Berhormat Willie Anak Mongin (Puncak Borneo) hendaklah dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya siasatan dan tindakan lanjut boleh diambil ke atas perbuatan beliau. "

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 15	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Yang Keempat Belas Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	17 Disember 2020
ST. 140	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 146	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 147	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 150	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 151	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 152	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 153	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 154	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 155	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020
ST. 157	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2019	17 Disember 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 17.12.2020 (Khamis)	1. YB Tuan Wong Ling Bui (Sarikei)	1. Cadangan Bagi Menyiasat Dan Menyelidik Punca Kekurangan Ikan Dan Kematian Ikan Dalam Sangkar Di Sungai Selalang	1. YB Menteri Pertanian Dan Industri Makanan
2. 17.12.2020 (Khamis)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Pembaikan Jalan Raya Parlimen Batu Gajah	2. YB Menteri Kanan Keraja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**